

08/01/2004

Rombakan berhemah jayakan dasar keutamaan

SELEPAS lebih dua bulan jawatan Timbalan Perdana Menteri kosong, Datuk Seri Najib Razak secara rasmi dilantik mengisi jawatan itu semalam, diikuti pengumuman rombakan kecil dalam Kabinet membabitkan tiga kementerian, iaitu Kementerian Kewangan, Pertanian serta Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, selain memperkenalkan semula jawatan Menteri Tugas-Tugas Khas. Pelantikan dan rombakan yang diumumkan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi itu sememangnya amat ditunggu-tunggu rakyat dan kita percaya ia dapat menjawab 'desas-desus politik' yang hangat diperkatakan selepas Abdullah dilantik menjadi Perdana Menteri berikutan persaraan Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Oktober lalu.

Selain untuk mengukuhkan perpaduan dan meningkat lagi imej parti, pemilihan Najib yang berpengalaman luas dalam pentadbiran negara, tenang dan amat matang akan dapat membantu Abdullah melaksanakan dasar dan program yang telah dirancang, selain meringankan beban tugas serta tanggungjawab yang dipikulnya untuk memimpin negara dan rakyat. Kita berharap pelantikan Najib dapat mewujudkan satu pasukan yang mantap bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang. Abdullah sudah pasti mengambil kira pelbagai faktor sebelum memilihnya kerana Najib adalah orang yang akan berganding dengannya menghadapi pasang surut politik dan pelbagai cabaran untuk membawa negara ke tahap yang lebih cemerlang.

Kita juga yakin beberapa perubahan dalam Kabinet jelas mencerminkan dasar kerajaan yang memberi penekanan terhadap bidang-bidang tertentu untuk mengukuhkan lagi kemajuan negara dan kepentingan rakyat. Keputusan Abdullah melantik Tan Sri Muhyiddin Yassin, menteri kanan yang juga seorang daripada Naib Presiden Umno untuk menerajui Kementerian Pertanian, membuktikan komitmen kerajaan dalam memastikan sektor pertanian memainkan peranan lebih besar dalam pembangunan negara. Sektor berkenaan yang begitu penting dan menjadi tunjang ekonomi orang Melayu bukan saja perlu diberi perhatian, malah mendapat pembelaan sewajarnya.

Iltizam kerajaan dalam meningkatkan lagi sektor pertanian memang jelas berdasarkan penekanan yang diberikan Abdullah sendiri yang mahu pengeluaran produk pertanian ditambah, hasil tuaian padi ditingkatkan, selain sektor itu diperkukuhkan dengan sumber sains dan teknologi, termasuk bioteknologi. Kita juga percaya sebagai pemimpin kanan politik dengan latar belakang agama yang dimilikinya, Muhyiddin mampu melaksanakan tugasnya dengan baik, termasuk memastikan petani, penternak dan nelayan tidak lagi terpengaruh dengan tipu helah dan dakyah pembangkang, khususnya pemimpin Pas yang sering menjadikan golongan berkenaan sasaran mereka.

Pelantikan Datuk Seri Mohd Effendi Norwawi sebagai Menteri Tugas-Tugas Khas dianggap tepat berdasarkan pengalamannya dalam bidang pengurusan dan pentadbiran. Beliau sudah pasti mampu memperkemas lagi sistem penyampaian perkhidmatan awam dan memastikan sektor awam dapat melaksanakan dasar kerajaan secara berkesan dan telus. Perpindahan Datuk Dr Jamaludin Jarjis ke Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwai Pengguna pula secara tidak langsung memberi peluang kepadanya memimpin kementeriannya sendiri dan tidak lagi sebagai menteri kedua. Dengan pengalaman yang luas, beliau pasti boleh melaksanakan tugas yang mencabar itu dengan berkesan.

Keputusan Abdullah memperkenalkan ahli profesional, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, yang juga Penasihat Khas Kewangan kepada Perdana Menteri sebagai Menteri Kewangan Kedua, dianggap kena pada tempatnya. Sebagai bekas

pegawai bank pusat yang membantu Dr Mahathir melaksanakan penetapan nilai mata wang ringgit dan memulihkan ekonomi negara ketika dilanda krisis dulu, beliau adalah orang yang sesuai untuk membantu Abdullah menguruskan kewangan negara. Apapun, kita percaya Abdullah sudah berfikir panjang dalam melantik mereka yang sesuai dalam bidang tugas masing-masing. Apa yang penting sekarang ialah mereka bekerja sebagai satu pasukan dan memberi khidmat terbaik kepada masyarakat.